

# Mesyuarat cawangan Pekan Kuah kecoh

BH 25 MAR 2002

LANCKAWI, Ahad - Mesyuarat Umno cawangan Pekan Kuah malam tadi kecoh apabila 14 ahlinya membantah tindakan ketua cawangannya menghalang kehadiran mereka dengan alasan keahlian terbatal kerana gagal membayar yuran.

Mereka sebaliknya mendakwa ketua cawangan itu, Ghazali Md Noor 'memilih bulu' dan hanya membayar yuran ahli yang hanya menyokongnya.

Seorang ahli cawangan itu, Md Som Nyak Sham, berkata beliau hairan kenapa beliau dilarang daripada menghadiri mesyuarat berkenaan sedangkan isterinya dibenarkan berbuat demikian.

"Mereka kata isteri saya masih menjadi ahli sedangkan keahlian saya dikatakan sudah mati. Kenapa ini boleh berlaku," katanya di luar Hotel City Bayview di mana mesyuarat itu diadakan.

Mesyuarat Umno cawangan Pekan Kuah diadakan semula malam tadi berikutan pembatalan mesyuarat pertamanya pada 12 Mac lalu selepas ahli yang hadir memprotes pemilihan pengerusi tetap.

Ketika itu, ahli mendakwa pengerusi tetap yang dinilih, Abdul Shukor Abdul Rahman, bukan ahli cawangan dan kerana itu, beliau tidak boleh dilantik untuk jawatan berkenaan.

Difahamkan, Umno Pekan Kuah ada-

lah antara cawangan terkahir daripada 85 cawangan di Langkawi yang mengadakan mesyuarat sebelum mesyuarat bahagian dijadualkan dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 April ini.

Ahli Jawatankuasa Umno Pekan Kuah, Abdul Rahman Nyak, pula mempersoalkan bagaimana keahliannya masih hidup sedangkan beliau tidak pernah membayar yuran.

"Saya dibenarkan menghadiri mesyuarat pemilihan Umno cawangan yang diadakan malam ini tetapi saya tidak tahu siapa yang membayar yuran keahlian saya," katanya.

Seorang lagi ahli Umno cawangan itu, Rostam Harun mendakwa, beliau menerima surat jemputan dua jam sebelum mesyuarat pertama diadakan dan dikira sebagai ahli untuk layak mengundi.

Bagaimanapun, katanya, pada mesyuarat kali kedua, mereka menafikan haknya sebagai ahli sekali gus melarangnya daripada menghadiri mesyuarat itu.

Ghazali ketika ditemui selepas mesyuarat, menafikan beliau sengaja menghalang ahli menghadiri mesyuarat itu sebaliknya menegaskan larangan ditekankan kerana mereka bukan lagi ahli selepas gagal membayar yuran.